

LAPORAN LATIHAN ILMIAH TAHUN AKHIR

SISTEM TEMPANAH TIKET BAS ATAS TALIAN

EkspresNasional.com

oleh

ELISABRINA BINTI IDRIS

Di bawah penyeliaan

PUAN MAIZATUL AKMAR BINTI ISMAIL

Moderator

PUAN SALIMAH BINTI MOKHTAR

Laporan Latihan Ilmiah ini diserahkan kepada

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Universiti Malaya

2001/2002

bagi memenuhi syarat penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer

ABSTRAK

Projek yang dijalankan adalah bertujuan untuk membangunkan satu sistem berasaskan web untuk tempahan tiket bas atas talian yang menggabungkan pelbagai syarikat bas ekspres di seluruh Malaysia. Sistem ini terbuka kepada semua individu yang menggunakan perkhidmatan bas ekspres. Sistem ini dinamakan EkspresNasional.com kerana terdapat penglibatan dari pelbagai syarikat bas ekspres di seluruh Semenanjung Malaysia. Oleh itu pengguna mempunyai banyak pilihan dari segi memilih destinasi yang hendak dituju. Pengguna boleh mencapai sistem ini pada bila-bila masa menerusi capaian internet ke laman web sistem EkspresNasional.com ini untuk membuat tempahan tiket bas atas talian. Terdapat dua modul dalam sistem yang akan dibangunkan ini iaitu modul pengguna dan modul pentadbir.

Dalam modul pengguna, capaian ke atas laman web adalah terbuka kepada semua. Pengguna boleh mendapatkan maklumat perjalanan bas dan alamat kaunter bas yang berdekatan. Bagi sesiapa yang hendak membuat tempahan, pendaftaran hendaklah dibuat terlebih dahulu dalam laman web ini. Nombor keahlian akan dijanakan dan pengguna tersebut boleh memasuki sistem tempahan dan seterusnya membuat tempahan setelah memilih bas yang dikehendaki.

Dalam modul pentadbir, hanya pentadbir sistem sahaja yang akan dibenarkan membuat capaian. Pentadbir bertanggungjawab dalam pengemaskinian maklumat dalam sistem.

Metodologi pembangunan sistem yang akan digunakan dalam membangunkan sistem ini adalah model air terjun.

Sistem ini akan menggunakan Microsoft Personal Web Server 4.0 sebagai pelayan web dan Microsoft Access 2000 sebagai pangkalan data web. Sistem juga akan menggunakan teknologi Active Server Pages bersama-sama dengan bahasa pengaturcaraan skrip Visual Basic dan skrip Java serta kod HTM dan model capaian data ADO. Alatan pembangunan yang akan digunakan ialah Microsoft FrontPage 2000. Pemilihan perisian dan alatan tersebut adalah untuk mendapatkan hasil yang memuaskan.

Projek pembangunan sistem ini bermula dari bulan Mei dan dijangka siap pada pertengahan bulan Januari.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat-Nya, akhirnya dapat saya menyiapkan Projek Ilmiah Tahap Akhir I ini yang bertajuk Sistem Tempahan Tiket Bas Atas Talian (Sistem EkspresNasional.com).

Melalui ruangan ini saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Cik Maizatul Akmar Ismail selaku penyelia projek atas bimbingan dan tunjuk ajar tanpa henti di sepanjang projek serta kepada Puan Salimah Mokhtar iaitu moderator projek ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Encik Azmi bin Haji Dolmat dari KOK Agensi Bas Ekspres dan Cik Jarina bt Jajuli dari UC Travel kerana sudi meluangkan masa untuk ditemuramah.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih buat rakan-rakan yang telah memberikan sumbangan idea, rujukan, kerjasama, dan pendapat sepanjang penghasilan Projek Latihan Ilmiah ini.

Teristimewa buat kedua ibu bapa tercinta serta keluarga atas bantuan dan sokongan moral yang tak berbelah bagi serta nasihat sepanjang saya berada di sini. Kepada mereka yang telah membantu saya tetapi tidak dinyatakan di sini jutaan terima kasih saya ucapkan. Terima kasih semua.

Bab 2 : Kajian Latarbelakang**ISI KANDUNGAN**

Tajuk	Mukasurat
Abstrak	i
Penghargaan	iii
Isi Kandungan	iv
Senarai Rajah	x
Senarai Jadual	xi
Bab 1 : Pengenalan	1
1.1 Pengenalan Kepada Sistem	2
1.2 Situasi Semasa	3
1.3 Definisi Masalah	3
1.4 Motivasi Projek	5
1.5 Objektif Projek	6
1.6 Skop Projek	7
1.7 Jadual	9
1.8 Ringkasan Setiap Bab	11

Bab 2 : Kajian Literasi

2.1 Analisis Sistem Yang Sedia Ada	13
2.1.1 Melalui Penyelidikan Di Internet	13
2.1.2 Melalui Temuramah	16
2.2 Analisa Metodologi	17
2.2.1 Model Pemprototaipan Pantas	18
2.2.2 Model Air Terjun	20
2.3 Pelayan Web	
2.3.1 Microsoft Internet Information Server 4.0 (IIS)	23
2.3.2 Microsoft Personal Server 4.0 (PWS)	24
2.4 Pangkalan Data Web	
2.4.1 Microsoft Access 2000	25
2.4.2 Microsoft SQL Server 7.0	26
2.5 Bahasa Pengaturcaraan Aplikasi Web (server side)	
2.5.1 Active Server Pages (ASP)	26
2.5.2 Common Gateway Interface (CGI)	28
2.6 Bahasa Pengaturcaraan Aplikasi Web (client side)	
2.6.1 HyperText Markup Language (HTML)	29
2.6.2 Skrip Visual Basic (VB Script)	30
2.6.3 Skrip Java (Java Script)	30

2.7 Alatan Pembangunan Aplikasi Web	
2.7.1 Visual InterDev 6.0	31
2.7.2 Microsoft FrontPage 2000	33
2.8 Model Capaian Data	
2.8.1 Open Database Connectivity (ODBC)	33
2.8.2 ActiveX Data Objects (ADO)	34
2.8.3 OLE-DB	37
Bab 3 : Analisa Sistem dan Metodologi	38
3.1 Pencarian Maklumat	38
3.2 Analisis Keperluan Sistem	41
3.2.1 Keperluan Fungsian	41
3.2.1.1 Modul Pengguna	42
3.2.1.2 Modul Pentadbir	43
3.2.2 Keperluan Bukan Fungsian	44
3.3 Analisis Pembangunan	46
3.3.1 Pendekatan Pembangunan	46
3.3.2 Pelayan Web	50
3.3.3 Pangkalan Data Web	51
3.3.4 Bahasa Pengaturcaraan Aplikasi Web (server side)	52
3.3.5 Bahasa Pengaturcaraan Aplikasi Web (client side)	53

3.3.6 Alatan Pembangunan Aplikasi Web	53
3.3.7 Model Capaian Data	54
3.4 Keperluan Perkakasan dan Perisian	54
3.4.1 Keperluan Perkakasan	54
3.4.1.1 Perkakasan Pentadbir	54
3.4.1.2 Perkakasan Pengguna	55
3.4.2 Keperluan Perisian	
3.4.2.1 Perisian Pentadbir	55
3.4.2.2 Perisian Pengguna	56
Bab 4 : Rekabentuk Sistem	57
4.1 Rekabentuk Proses	57
4.1.1 Rajah Konteks	57
4.2 Rekabentuk Struktur	58
4.2.1 Struktur Sistem	59
4.2.2 Modul Pentadbir	60
4.2.3 Modul Pengguna	61
4.3 Rekabentuk Ciri-ciri Keselamatan Sistem	62
4.3.1 Autentikasi	63
4.4 Rekabentuk antaramuka	64
4.4.1 Rekabentuk Antaramuka Pengguna	65

4.4.2 Rekabentuk Antaramuka Pentadbir	66
4.5 Rekabentuk Pangkalan Data	67
4.5.1 Kamus Data	67
4.6 Hasil Yang Dijangka	74
Bab 5 : Pengkodan	
5.1 Definisi Pengkodan	75
5.2 Pengaturcaraan Menggunakan Active Server Pages	75
5.3 Objek Pelayan (<i>Server Objects</i>)	76
5.3.1 <i>CreateObject</i>	76
5.3.2 <i>Application and Session Objects</i>	78
5.3.3 <i>Server-side Includes</i>	78
Bab 6 : Pengujian Sistem	79
6.1 Pengujian Unit	81
6.2 Pengujian Integrasi	82
6.3 Pengujian Fungsi	82
6.4 Pengujian Prestasi	83
6.5 Pengujian Penerimaan	83
6.6 Pengujian Pemasangan	83

Bab 7 : Kelebihan dan Kekangan Sistem	84
7.1 Kelebihan EkspresNasional.com	84
7.2 Kekangan EkspresNasional.com	85
Bab 8 : Masalah, Penyelesaian dan Perancangan Pada Masa Depan	87
8.1 Masalah-masalah dan Penyelesaian	87
8.2 Perancangan Masa Hadapan	89
Bab 9 : Kesimpulan	91
Rujukan	92
Lampiran : Manual Pengguna	94

SENARAI RAJAH

Rajah 2.0 : Model Pemprototaipan Pantas	19
Rajah 2.1 : Model Air Terjun	21
Rajah 3.0 : Model Air Terjun	50
Rajah 4.0 : Rajah Konteks	58
Rajah 4.1 : Carta Struktur sistem	59
Rajah 4.2 : Struktur Laman Web Bagi Modul Pentadbir	60
Rajah 4.3 : Struktur Laman Web Bagi Modul Pengguna	61
Rajah 4.4 : Antaramuka Depan Laman Web Pengguna	66
Rajah 4.5 : Antaramuka Depan Laman Web Pentadbir	67
Rajah 6.1 : Hubungan Antara Peringkat-peringkat Pengujian Sistem	80

SENARAI JADUAL

Jadual 1.0 : Carta Gantt	10
Jadual 4.0 : Maklumat Pengguna	68
Jadual 4.1 : Admin	69
Jadual 4.2 : Tempahan	69
Jadual 4.3 : Bas	70
Jadual 4.4 : Maklumat Bas	71
Jadual 4.5 : Maklumat Perjalanan	71
Jadual 4.6 : Kaunter Jualan	72
Jadual 4.7 : Hubungi	73
Jadual 4.8 : Lokasi	74

1.0 Pengenalan

Bab I ini membincangkan maklumat perkenalan jauh pulih yang penting sejurus dengan kerangka dan kapal terbang. Bab ini turut memberikan bantuan dalam pilihan subjek Sarawak Malaysia dan mazhab buat hampir 100 peratus kapal. Tambahnya pula mazhab yang dikenali sebagai mazhab sarawak.

Bab I ini turut mengulas tentang sifat-sifat dan peranan mazhab pada manusia-masyarakat. Selain itu, bab ini turut memberikan maklumat tentang mazhab yang dikenali sebagai mazhab sarawak.

BAB 1

PENGENALAN

Bab I ini membincangkan maklumat perkenalan jauh pulih yang penting sejurus dengan kerangka dan kapal terbang. Tambahnya pula mazhab yang dikenali sebagai mazhab sarawak. Selain itu, bab ini turut memberikan maklumat tentang mazhab yang dikenali sebagai mazhab sarawak.

1.0 Pengenalan

Bas Ekspres adalah merupakan pengangkutan jarak jauh yang penting selain daripada keretapi dan kapal terbang. Bas ekspres mempunyai banyak destinasi pilihan ke seluruh Semenanjung Malaysia dari bandar-bandar besar hingga ke pekan-pekan kecil. Tambangnya yang murah mampu dimiliki oleh semua golongan termasuk pelajar.

Stesen bas menjadi tumpuan ramai orang dan penuh sesak terutama pada musim-musim perayaan. Pelbagai cara digunakan oleh syarikat bas untuk mlariskan tiket jualan mereka. Mereka berusaha untuk memberikan maklumat terkini dan tepat kepada pengguna selain memudahkan urusan jual beli tiket.

Dengan teknologi internet yang sentiasa berkembang, banyak syarikat bas yang membangunkan laman web mereka sendiri untuk penyebaran maklumat yang lebih berkesan selain dapat dicapai oleh pengguna internet pada bila-bila masa. Terdapat juga syarikat bas ekspres yang mempunyai sistemnya sendiri dan ada juga yang mengadakan perkhidmatan tempahan tiket bas atas talian tetapi bilangannya adalah amat kecil.

1.1 Pengenalan Kepada Sistem

Sistem tempahan tiket bas atas talian ini yang akan dibangunkan ini adalah berasaskan web untuk memudahkan capaian dibuat oleh semua pengguna perkhidmatan bas ekspres.

Sistem ini memerlukan pengguna mendaftar terlebih dahulu sebelum tempahan dibuat. Tempahan boleh dibuat dengan mengikuti langkah-langkah yang mudah di dalam sistem iaitu dengan memilih lokasi bertolak, destinasi dan tarikh. Sistem akan memaparkan senarai bas beserta kekosongan yang ada. Kemudian pengguna perlu memasukkan bilangan tiket yang ingin ditempah dan jumlah harga tiket akan diberitahu oleh sistem. Pengguna boleh membuat penyemakan pada status tempahan di dalam sistem untuk mengetahui nombor tiket.

Terdapat tiga cara untuk membuat pembayaran iaitu dengan menggunakan kad kredit melalui Maybank2u.com, perkhidmatan perbankan telefon Maybank atau dengan membayar di cawangan Maybank yang berhampiran. Pengguna boleh mengambil tiket tersebut di kaunter bas terbabit pada hari bas bertolak dengan memberikan nombor keahlian dan nombor tiket tempahan.

Syarikat bas ekspres yang ingin menyertai sistem ini perlu mempunyai sistemnya yang tersendiri dalam menjalankan urusan penjualan tiket. Ini adalah kerana sistem tempahan tiket bas atas talian ini akan berkongsi pangkalan data

yang sama dengan sistem penjualan tiket syarikat terbabit supaya tidak berlaku pertindihan antara tiket yang telah ditempah dengan tiket yang dijual terus di kaunter.

1.2 Situasi Semasa

Laman web yang dibangunkan oleh pengusaha bas ekspres adalah bertujuan untuk memperkenalkan perkhidmatan bas ekspres yang disediakan serta memberikan maklumat kepada pengguna seperti destinasi perjalanan, masa perjalanan serta harga tiket. Pembelian tiket masih dibuat menerusi kaunter. Tempahan tiket pula biasanya dibuat melalui telefon. Kebanyakan urusan jual beli tiket pula masih dijalankan se secara manual. Hanya terdapat beberapa syarikat yang mempunyai sistemnya yang tersendiri dan ada yang memperkenalkan sistem tempahan tiket bas atas talian.

1.2 Definisi Masalah

Pelbagai masalah yang dihadapi oleh syarikat bas ekspres dengan menggunakan sistem yang ada sekarang. Antaranya ialah :

- (i) Kebanyakan syarikat bas mempunyai agen penjual tiket di beberapa kaunter dan segala urusan jual beli tiket masih dijalankan secara manual. Tempahan tiket bas yang dibuat melalui telefon atau menerusi kaunter terpaksa melalui beberapa prosedur sebelum pengesahan tiket dapat dibuat di kaunter sebenar syarikat bas ekspres tersebut. Keadaan ini melambatkan perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna.

- (ii) Bagi syarikat bas ekspres yang tidak mempunyai laman webnya sendiri, pengguna terpaksa pergi ke kaunter bas tersebut dan terpaksa beratur semata-mata untuk mendapatkan maklumat perjalanan bas. Sekiranya bas yang dikehendaki tiada, pengguna terpaksa ke kaunter-kaunter bas yang lain sehingga berjumpa bas yang sesuai. Keadaan ini membuang masa dan menyusahkan pengguna.

- (iii) Perkhidmatan tempahan melalui telefon juga seringkali tidak dapat dimanfaatkan oleh pengguna. Ini adalah kerana talian di kaunter bas sentiasa sibuk. Talian yang sama juga digunakan oleh staf di kaunter untuk membuat pengesahan tiket bas semasa urusan jual beli tiket di kaunter.

- (iv) Rekod tempahan dan pembelian tiket masih dibuat secara manual iaitu menggunakan rekod bertulis. Ini menyukarkan rujukan kembali maklumat dan kesilapan sering berlaku serta melambatkan urusan di kaunter.

- (v) Kesesakan sering berlaku di kaunter-kaunter bas kerana semua pengguna bertumpu di kaunter untuk urusan mendapatkan maklumat serta membeli tiket. Perkhidmatan yang lambat dan ruang yang kecil untuk pengguna beratur juga menyumbang kepada kesesakan di kaunter-kaunter bas.

1.4 Motivasi Projek

- (i) Membangunkan laman web yang dapat memberikan maklumat bas ekspres kepada pengguna seperti destinasi perjalanan, waktu perjalanan, harga tiket, maklumat syarikat dan lain-lain.

- (ii) Membangunkan sistem tempahan tiket bas atas talian yang disertai oleh pelbagai syarikat bas ekspres di seluruh Malaysia untuk memudahkan pengguna membuat tempahan tiket ke

seluruh destinasi di Semenanjung Malaysia tidak kira di mana sahaja berada .

- (iii) Kesemua maklumat tempahan tiket atas talian terus dimasukkan ke dalam pangkalan data yang digunakan bersama dengan sistem syarikat tersebut bagi mengelakkan tempahan yang dibuat bertindih dengan tiket yang telah dijual.
- (iv) Rekod tempahan tiket dapat dicapai kembali melalui sistem syarikat di kaunter bagi memudahkan pengguna mengambil tiket yang telah ditempah di kaunter bas.

1.4 Objektif Projek

- (i) Merekabentuk dan membangunkan laman web yang memaparkan maklumat perjalanan bas ekspres dan menyediakan perkhidmatan tempahan tiket bas atas talian.
- (ii) Menjadikan urusan tempahan tiket bas lebih mudah dan cepat.

- (iii) Memudahkan pengguna memperolehi maklumat terkini tentang bas ekspres.
- (iv) Kebolehgunaan antaramuka dalam sistem tempahan mudah difahami dan digunakan.
- (v) Mempertingkatkan perkhidmatan kepada pelanggan.
- (vi) Menarik lebih ramai pelanggan.
- (vii) Menukar sistem lama kepada sistem berkomputer.

1.5 Skop Projek

Terbahagi kepada dua modul iaitu modul pengguna dan modul pentadbir.

I. Modul Pengguna

- Pengguna baru yang ingin membuat tempahan perlu mendaftar di laman web sistem ini terlebih dahulu untuk mengelakkan capaian pengguna tidak sah ke atas maklumat tempahan tiket.

- Laman interaktif yang memaparkan maklumat perjalanan bas ekspres, alamat kaunter jualan dan polisi tempahan.
- Pengguna boleh menyemak kekosongan tempat yang ada pada bas yang dikehendaki dan seterusnya membuat tempahan.
- Membenarkan pengguna membuat tempahan tiket atas talian dengan mengikuti langkah-langkah yang mudah dan pembayaran boleh dibuat iaitu dengan menggunakan kad kredit melalui Maybank2u.com, perkhidmatan perbankan telefon Maybank atau dengan membayar di cawangan Maybank yang berhampiran.
- Membenarkan pengguna membatalkan tempahan tiket tersebut.
- Membenarkan pengguna menyemak status tiket tempahan.

II. Modul Pentadbir

- Mengemaskini maklumat dalam laman web seperti perkhidmatan bas dan maklumat perjalanan.
- Menambah syarikat bas ekspres baru yang ingin menyertai sistem ini dan menghapuskan mana-mana bas yang ingin menamatkan perkhidmatan.
- Sistem dapat menghasilkan laporan untuk kegunaan pentadbir.

1.6 Jadual Projek

Projek ini dijalankan daripada 1 Jun 2001 sehingga pertengahan Januari 2002. Jadual projek ditunjukkan dengan menggunakan Carta Gantt. Jadual projek adalah penting untuk mencapai kemajuan yang sistematik dan memastikan penghantaran produk tepat pada masanya. Selain itu, ia juga bertindak sebagai pengurus masa dan pengawal kepada pembangun sistem untuk memastikan projek berjalan seperti yang dirancangkan.

Tugas	Jun '01	Julai '01	Ogos '01	Sept '01	Okt '01	Nov '01	Dis '01	Jan '01
1. Kajian Awal & Analisis Sistem								
2. Rekabentuk Sistem								
3. Perlaksanaan Sistem								
4. Pengujian Sistem								
5. Penyelenggaraan Sistem								

Jadual 1.0 : Carta Gantt Pembangunan Sistem EkspresNasional.com

1.8 Ringkasan Bab

Bab 1 : Pengenalan

Bab ini menerangkan serba sedikit tentang sistem semasa dan masalah yang dihadapi oleh pengusaha dan pengguna bas ekspres. Bab ini juga mengandungi cadangan penyelesaian masalah, objektif projek, skop projek, jadual projek serta ringkasan bagi setiap bab.

Bab 2 : Kajian Literasi

Menerangkan tentang kaedah pengumpulan dan pencarian maklumat yang berkaitan dengan projek. Analisis dibuat terhadap sistem yang telah ada dan perbandingan dilakukan bagi mengenalpasti kebaikan dan kelemahan sistem-sistem tersebut. Maklumat tentang bahasa pengaturcaraan, alatan pembangunan dan pangkalan data diberikan dan dibincangkan.

Bab 3: Analisa Sistem dan Metodologi

Membincangkan pemilihan metodologi pembangunan, pangkalan data web, bahasa pengaturcaraan dan alatan pembangunan. Mengenalpasti keperluan-keperluan sistem iaitu keperluan fungsian dan bukan fungsian. Senarai keperluan perkakasan dan perisian diberikan.

Bab 4 : Rekabentuk Sistem

Rekabentuk sistem diterangkan. Ia merangkumi rekabentuk proses, rekabentuk struktur, rekabentuk ciri-ciri keselamatan data, rekabentuk antaramuka serta rekabentuk pangkalan data.

Bab 5 : Pengkodan

Bab ini menerangkan tentang bagaimana EkspresNasional.com diimplementasikan terutamanya dari segi pengkodan.

Bab 6 : Pengujian Sistem

Menerangkan jenis-jenis ujian yang telah dijalankan ke atas sistem sebelum ia boleh digunakan untuk mengenalpasti ralat-ralat yang tidak dapat dikesan semasa fasa rekabentuk dan pengimplementasian.

Bab 7: Kelebihan dan Kekangan Sistem

Menyenaraikan kelebihan-kelebihan yang dimiliki oleh sistem EkspresNasional.com dan juga kekangan-kekangan yang terdapat dalam sistem.

Bab 8 : Masalah, Penyelesaian dan Perancangan Masa Depan

Menerangkan tentang masalah-masalah yang dihadapi sepanjang pembangunan sistem beserta langkah-langkah penyelesaian yang telah diambil. Cadangan-

cadangan untuk mempertingkatkan sistem ini pada masa hadapan juga telah dikemukakan dalam bab ini.

Bab 9 : Kesimpulan

Kesimpulan bagi keseluruhan laporan.

2.3 Analisis sumber yang matik ada

2.3.1 Model pengaruh di internet

a. Model pengaruh pen

Injeksi kelebihan teknologi bagi sekolah di Malaysia semakin meningkatkan perkembangan teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran. Selain itu, teknologi juga memudahkan pelajar untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan dengan mudah dan cepat. Teknologi juga membantu pelajar untuk berinteraksi dengan guru dan ahli ilmu melalui media sosial. Selain itu, teknologi juga membantu pelajar untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan dengan mudah dan cepat.

BAB 2

KAJIAN LITERASI

Kajian literasi

1. Pengaruh teknologi pada aktiviti belajar dan mengajar yang berbeza-beza dan berbeza di antara pelajar.
2. Pengaruh teknologi pada pengaruh teknologi pada pelajaran yang berbeza-beza dan berbeza di antara pelajar.
3. Tindakan dan cara untuk membatasi pengaruh teknologi pengajaran dan kredit. maybank2u.com, perkhidmatan

2.1 Analisis sistem yang sedia ada

2.1.1 Melalui penyelidikan di internet.

- <http://www.plusliner.com>

Ini adalah laman web rasmi bagi syarikat Plusliner Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang menyediakan perkhidmatan bas ekspres bagi laluan Utara-Selatan. Perkhidmatannya meliputi seluruh bandar di Semenanjung Malaysia. Laman web ini menyediakan perkhidmatan tempahan tiket bas atas talian. Selain itu laman web ini juga memaparkan alamat serta nombor telefon bagi kesemua kaunternya di seluruh Semenanjung Malaysia dan tempat-tempat menarik yang ada di tempat-tempat laluan bas tersebut.

Kelebihan

1. Proses untuk membuat tempahan tiket atas talian adalah mudah dan arahannya ringkas serta mudah difahami.
2. Terdapat demonstrasi tempahan untuk memberikan pemahaman yang lebih kepada pengguna.
3. Terdapat tiga cara untuk membuat pembayaran iaitu dengan menggunakan kad kredit melalui Maybank2u.com, perkhidmatan

perbankan telefon Maybank atau dengan membayar di cawangan Maybank yang berhampiran.

4. Pengguna boleh memilih tempat duduk yang disukai sewaktu membuat tempahan.

Kelemahan

1. Hanya ahli berdaftar yang boleh membuat tempahan tiket atas talian.
2. Pengguna perlu membayar yuran keahlian tahunan untuk pendaftaran dan oleh itu sistem tempahan ini tidak digemari oleh pengguna tetap kerana ini akan merugikan mereka.
3. Tempahan atas talian perlu dibuat sekurang-kurangnya 10 hari sebelum bertolak.
4. Pengguna perlu mencetak slip pengesahan untuk ditukarkan dengan tiket bas di kaunter pada hari bas bertolak.
5. Laman web ini tidak memaparkan senarai jadual perjalanan bas. Pengguna hanya dapat mengetahuinya sewaktu membuat tempahan.
6. Pengguna tidak boleh menukar atau membatalkan tiket yang telah ditempah.

- <http://www.GoByCoach.com>

Ini adalah laman web National Express Coach Division. Syarikat ini menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan pengangkutan ke 1200 destinasi seluruh Britain dan 400 destinasi di Eropah dan Ireland. Laman web ini menyediakan perkhidmatan tempahan tiket bas atas talian bagi kemudahan para penggunanya.

Kelebihan

1. Pengguna boleh membuat tempahan tiket bas pada saat akhir bergantung kepada kekosongan.
2. Pengguna tak perlu mendaftar untuk membuat tempahan tiket.
3. Pengguna akan memperoleh beberapa keistimewaan sekiranya mendaftar sebagai ahli seperti diskauan dan pelbagai tawaran lain.
4. Syarikat ini juga mengadakan perkhidmatan penghantaran tiket tempahan secara percuma terus ke rumah atau boleh mengambil tiket tersebut di kaunter-kaunter tiket yang ditetapkan oleh pengguna.

Kelemahan

1. Pembayaran tiket tempahan hanya boleh dibuat melalui kad kredit.
2. Pengguna tidak boleh memilih tempat duduk.
3. Pengguna tidak boleh menukar atau membatalkan tiket yang ditempah.

2.2.2 Melalui temuramah

▪ Kok Agensi Bas Ekspres

Keseluruhan urusan jual beli tiket serta tempahan masih dijalankan secara manual. Pengguna boleh membuat tempahan terus di kaunter bas atau melalui telefon. Agen-agen tiket bas bagi syarikat tersebut perlu menghubungi kaunter bas syarikat terbabit bagi mendapatkan pengesahan tempat duduk setiap kali pembelian tiket dan tempahan dibuat. Segala rekod pembelian dan tempahan tiket adalah bertulis dan tidak menggunakan sebarang sistem.

Sistem pembelian dan tempahan tiket cara ini digunakan oleh hampir keseluruhan syarikat di Stesen Bas Puduraya mengikut kajian yang dijalankan. Faktor utama syarikat tersebut tidak membangunkan sistem tempahan tiket atas talian adalah kerana kos yang tinggi dan tahap penguasaan penggunaan komputer yang amat rendah di kalangan pekerja mereka. Untuk membangunkan sistem tempahan atas talian, syarikat tersebut perlu mempunyai sistem dalam syarikat untuk menjalankan urusan jual beli tiket dan berkongsi pangkalan data yang sama supaya tidak berlaku pertindihan antara tiket tempahan dan tiket yang dibeli terus di kaunter. Latihan juga perlu diberi kepada keseluruhan pekerja yang terlibat serta penyediaan kemudahan infrastruktur seperti server, komputer, rangkaian dan sebagainya. Kesemua ini memerlukan kos yang amat tinggi dan tidak praktikal untuk digunakan oleh syarikat-syarikat kecil.

- **Transnasional Sdn. Bhd.**

Syarikat ini mempunyai sistemnya yang tersendiri dalam menjalankan urusan penjualan tiketnya. Urusan yang dijalankan adalah lebih pantas serta maklumat terkini senang diperolehi untuk disampaikan oleh pengguna. Kebanyakan agensi perjalanan yang bertindak sebagai agen menjual tiket bas syarikat tersebut masih menggunakan cara manual dan penggunaan sistem sedang dipertingkatkan kesemua agen-agen bas syarikat terbabit. Setakat ini syarikat tidak bercadang untuk mengadakan perkhidmatan tempahan tiket atas talian.

2.2 Analisa Metodologi

Metodologi pembangunan sistem [5] ialah proses pembangunan sistem yang jelas dan formal yang mentakrifkan satu set aktiviti, kaedah, latihan terbaik, kebolehantaran dan alatan automasi untuk digunakan oleh pembangunan sistem dan pengurus projek untuk membangunkan dan menyelenggara kebanyakan atau semua sistem maklumat dan perisian.

Metodologi penting untuk memastikan pendekatan yang konsisten dan penghasilan semula dapat digunakan untuk semua projek. Ia juga dapat mengurangkan risiko yang berkaitan dengan jalan pintas dan kesilapan yang dilakukan. Akhir sekali metodologi menhasilkan dokumentasi yang konsisten dan lengkap dari satu projek ke projek yang lain. Kelebihan ini membolehkan

keputusan kerja utama senang dicapai kembali dan difahami oleh pasukan pembangunan walaupun apabila ahli-ahlinya berubah kelak. Metodologi yang baik diperlukan untuk menggambarkan dengan jelas setiap fasa pembangunan sebelum ia dimulakan dan akan menjadi satu panduan terhadap pekerja pembangunan.

Berikut adalah ciri-ciri metodologi yang baik.


- Senang digunakan dan difahami oleh penganalisa dan pengaturcara.
- Merangkumi semua fasa dalam pembangunan sistem.
- Berkaitan dengan aplikasi yang akan dibangunkan.
- Dokumentasi yang berkualiti disediakan.

2.2.1 Model Pemprototaipan Pantas (Rapid Prototyping Model) [2]

Pemprototaipan pantas ialah proses yang membolehkan pembangun membentuk model sistem yang hendak dibina. Ia adalah subset kepada sistem yang hendak dibina. Subset ini selalunya terdiri daripada skrin kemasukan data, antaramuka pengguna dan laporan.

Dalam model ini, mula-mula sekali pembangun sistem akan dibenarkan untuk berinteraksi dan membuat eksperimen dengannya. Sekiranya prototaip pantas tersebut memenuhi keperluan pengguna dan pengguna berpuas hati dengannya, pembangun akan membuat spesifikasi dengan jaminan bahawa

produk akhir akan tersebut akan memenuhi keperluan sebenar pengguna. Proses akan diteruskan kepada fasa rekabentuk dan seterusnya. Berikut adalah gambarajah proses pemprototaipan pantas.




Rajah 2.0 Gambarajah pemprototaipan pantas

Proses pengumpulan maklumat yang spesifik tentang keperluan pengguna dapat dilakukan lebih cepat dengan melakukan pemprototaipan dan ini sekaligus dapat mempercepatkan masa proses pembangunan sistem tersebut. Di samping itu juga pemprototaipan dapat membantu dalam proses menentukan keperluan pengguna di mana terdapat pemahaman yang tidak jelas dalam mendefinasikannya. Pendekatan yang biasanya digunakan ialah untuk mendemonstrasikan kebolehgunaan fungsian sistem dalam kitaran hayat awal. Keburukan menggunakan pemprototaipan ialah dari segi kebolehpercayaan masa tersebut dan “throughput”.

2.2.2 Model Air Terjun (Waterfall Model)

Model Air Terjun ini mula diperkenalkan oleh Royce pada tahun 1970. Dalam model ini mula-mula keperluan sistem ditentukan dan diperiksa oleh pengguna, pembangun sistem dan Kumpulan Jaminan Kualiti sistem (SQA). Kemudian spesifikasi sistem tersebut ditulis secara terperinci. Dokumen dihasilkan dengan menyatakan jangkaan sistem. Fasa ini lengkap selepas pengguna dan kumpulan SQA mengesahkan spesifikasi sistem. Selepas dokumen spesifikasi ditandatangani oleh pengguna, fasa perancangan bermula dan jadual terperinci untuk membangunkan sistem dibina. Pelan ini juga akan diperiksa oleh kumpulan SQA. Fasa rekabentuk bermula selepas pengguna telah mengesahkan

jangkamasa pembangun dan kos anggaran untuk sistem. Dokuman spesifikasi sistem menerangkan apa yang sepatutnya dilakukan oleh sistem manakala dokumen rekabentuk pula menerangkan bagaimana sistem tersebut akan dibina. Di bawah menunjukkan gambarajah Model Air Terjun.



Rajah 2.1 Gambarajah Model Air Terjun

Model ini mengenalpasti kepentingan “backtracking” maklumbalas dan pengulangan dalam proses sistem. Daripada setiap fasa, pembangun sistem boleh berpatah balik ke fasa sebelumnya sekiranya berlaku kesilapan. Contohnya

semasa implementasi, kesilapan dalam spesifikasi (seperti pengabaian, ketakkonsistenan) yang berlaku memerlukan “backtracking”. Model ini membenarkan pembangun berpatah balik kepada fasa keperluan dan spesifikasi untuk membaiki kesemua kesilapan, kemudian merekabentuk semula sistem dan seterusnya melaksanakannya. Sebarang kesilapan yang dikesan lewat akan menjadi mahal untuk membetulkannya. Oleh itu setiap fasa perlu disahkan untuk mengelakkan pengulangan yang mahal.

Model ini mempunyai beberapa kelebihan iaitu :

- Senang untuk mengenalpasti jejak kerja yang dilakukan.
- Senang untuk memisahkan satu fasa ke fasa yang lain.

Kelemahan model ini pula ialah :

- Sebarang fasa perlu dibekukan sebelum meneruskan dengan fasa kemudian (mengakibatkan keperluan, rekabentuk, pengkodan dan sebagainya yang tidak matang).
- Ia mengandaikan bahawa keperluan pengguna boleh dikenalpasti secara tepat. Malangnya pengguna jarang tahu dengan tepat apa yang dikehendaki mereka dan pembangun perisian jarang memahami konteks perniagaan pelanggan mereka.

- Pelanggan tidak mempunyai jalan lain untuk menilai sejauh mana proses pembangunan tersebut sampai sehinggalah mereka melihat produk yang hampir siap.
- Dalam kebanyakan projek pembangunan sistem jujukan fasa tidak dipatuhi sepenuhnya. Berlaku pertindihan fasa dalam proses tersebut.

2.3 Pelayan Web

2.3.1 Microsoft Internet Information Server 4.0 (IIS)

Microsoft Internet Information Server (IIS) adalah pelayan web yang disertakan sekali dengan Windows 2000 Server / Advanced Server dan Windows NT Server. IIS adalah pelayan web berkuasa yang dapat mengendalikan web dalam skala yang besar. IIS direkabentuk untuk pemindahan fail yang besar dan berisipadu tinggi. Biasanya syarikat-syarikat menggunakan pelayan web ini untuk menyelenggara laman web mereka. Fail-fail ASP dapat dikendalikan dengan menggunakan pelayan web ini. Antara ciri-ciri IIS 4.0 adalah :

- MMC – Microsoft management control merupakan aplikasi pengurusan server.
- Pengawal bandwidth – mengawal lebar band laman demi laman.
- Pengawal keselamatan – security sockets layer yang mengawal keselamatan dan menyokong .509 (keselamatan digital)

- HTTP 1.1 – menyokong kebanyakan ciri 1.1 yang ditambah dari IIS 3.0.
- Index server 2.0 – membenarkan server menggelintar fail menggunakan arahan SQL. Penggelintaran boleh dibuat dari skrip VB, bahasa C, Java dan skrip Java.
- Integrasi MTS – memuatkan Microsoft Transaction Server yang membenarkan transaksi maklumat antara beberapa komputer.

2.3.2 Microsoft Personal Web Server (PWS) [1]

Microsoft Personal Web Server (PWS) direkabentuk untuk laman web dan intranet yang berskala kecil hingga sederhana. PWS mempunyai kebanyakan ciri-ciri yang ada pada IIS. Pelayan web ini digunakan dengan sistem pengoperasian Windows 98 untuk mengendalikan fail-fail .asp dan .htm. Pelayan web ini senang digunakan dan sekiranya laman web hendak digunakan dalam skala yang besar, syarikat boleh ‘upgrade’ kepada Windows 2000 Server atau Windows NT Server tanpa menukar cara bagaimana laman web berfungsi.

2.4 Pangkalan Data Web

2.4.1 Microsoft Access 2000

Sistem pengurusan pangkalan data (SPPD) adalah sistem yang menyimpan dan mencapai maklumat dalam pangkalan data. Pengkomputeran SPPD adalah aturcara yang anda boleh gunakan untuk menyimpan dan mencapai data pada komputer anda. Microsoft Access adalah sistem pengurusan pangkalan data hubungan (RDBMS) yang mana menyimpan dan mencapai maklumat berdasarkan kepada perhubungan yang anda takrifkan. Dengan menggunakan Ms Access anda boleh mengurus data anda berdasarkan kepada subjek, jadi data sangat senang untuk dijejak dan disahkan. Ms Access digunakan untuk menguruskan data dalam jumlah yang kecil.

Pangkalan data Access digunakan dengan menghubungkan sistem melalui Open Database Connectivity (ODBC) iaitu pengaturcaraan antaramuka yang membolehkan aplikasi sistem mencapai data daripada pangkalan data yang menggunakan SQL sebagai capaian data piawai.

Pangkalan data Access adalah koleksi bagi objek, bukan hanya satu jadual bagi data. Satu fail pangkalan data mengandungi enam objek pangkalan data yang dapat membantu anda untuk menggunakan maklumat dalam pangkalan data. Objek-objek tersebut adalah jadual, pertanyaan (queries), borang, laporan, makro dan modal.

2.4.2 Microsoft SQL Server 7.0

Microsoft SQL Server 7.0 ini adalah satu teknologi pengurusan pangkalan data yang boleh menguruskan pangkalan data dengan banyak dan ruang ingatan yang disediakan adalah tinggi. SQL mempunyai prestasi yang baik kerana ciri-cirinya iaitu mempunyai faktor keselamatan, pengembalian bencana, kebolehgunaan dalam penyebaran data dan menjalankan pemprosesan berdasarkan server.

Oleh kerana ia dicipta untuk menguruskan sesuatu yang besar dan memakan ruang ingatan yang banyak, maka ia akan melambatkan aplikasi lain dalam komputer. SQL sesuai digunakan yang banyak ia akan melambatkan aplikasi lain dalam komputer. SQL sesuai digunakan untuk komputer yang mempunyai pemprosesan yang tinggi dan ruang ingatan ram yang banyak.

2.5 Bahasa Pengaturcaraan Aplikasi Web (server-side)

2.5.1 Active Server Pages (ASP)

ASP ialah persekitaran skrip bahagian pelayan yang boleh digunakan untuk membuat laman web yang interaktif dan membina aplikasi web yang berkuasa. Apabila pelayan menerima permintaan untuk fail ASP, ia memproses skrip bahagian pelayan di dalam fail untuk membina laman web yang dihantar ke

pelayan. Dangan tambahan pada skrip bahagian pelayan, fail ASP boleh mengandungi HTML (termasuk skrip bahagian pelanggan yang berkaitan) dan juga panggilan untuk komponen com yang boleh membuat pelbagai tugas seperti menyambung ke pangkalan data atau logik perniagaan pemprosesan. ASP boleh mengandungi skrip seperti skrip Visual Basic dan skrip Java.

ASP bekerja apabila pelayar hantar permintaan ke laman ASP dari pelayan web. Kemudian pelayan web menerima permintaan tersebut setelah mengecam ia datang dari laman ASP (ada pengemaskinian “.asp” di hujungnya). Pelayan web akan melaksanakan laman tersebut atau dengan erti kata lain, pelayan akan pergi ke setiap laman mencari kod yang telah ditulis dan melarikan kod tersebut. Selepas kod dilarikan, kesemua kod ASP akan dikeluarkan daripada laman web tersebut. Hanya laman web HTML asli yang akan tinggal dan seterusnya laman web tersebut dihantar ke pelayan dan dipaparkan.

Cara ini mempunyai beberapa kelebihan seperti:

- Ia senang ditulis dan diselenggarakan kerana kod ada bersama-sama dengan laman.
- Kod ASP dilaksanakan pada pelayan dan oleh itu ia lebih berkuasa dan fleksibel.
- Kod ASP dilucutkan sebelum laman dihantar ke pelayar, dengan itu aplikasi hak milik sukar dicuri.

- Oleh kerana hanya HTML asli yang dihantar balik, ia boleh digunakan dengan semua jenis pelayan.

2.5.2 Common Gateway Interface (CGI)

Common Gateway Interface (CGI) adalah satu cara yang piawai untuk pelayan web menghantar permintaan pelayar kepada program aplikasi, menerima data daripada program dan menghantarnya semula kepada pelayar. Program aplikasi CGI boleh ditulis dengan pelbagai bahasa pengaturcaraan seperti PERL, C, C++ dan Java, tetapi bahasa pengaturcaraan UNIX iaitu PERL yang selalu digunakan. CGI boleh digunakan untuk pengumpulan maklumat seperti komen, soal selidik, jenis pelayar yang selalu digunakan dan sebagainya.

Proses CGI :

1. Pelayar (Netscape, Internet Explorer dan sebagainya) yang bertindak atas pelanggan (contoh: PC, MAC, UNIX).
2. Pelayar ini akan memaparkan kod HTML yang dihantar oleh server yang mungkin mengandungi borang atau maklumat CGI yang lain.
3. Pelanggan akan menghantar permintaan CGI kepada server.
4. Server akan memproses permintaan CGI pelanggan. Biasanya ini melibatkan perlaksanaan aplikasi dalam server.

5. Aplikasi tersebut akan menghantar keputusan permintaan CGI balik kepada pelanggan.
6. Pelanggan akan menghantar kod HTML baru kepada pelanggan.
7. Pelanggan akan memaparkan kod HTML baru ini dalam tetingkap pelanggan.

2.6 Bahasa Pengaturcaraan Aplikasi Web (client-side)

2.6.1 HyperText Markup Language (HTML)

HTML adalah bahasa World Wide Web yang boleh mencipta laman web yang mempunyai warna, muka dan format teks, rangkaian dan imej. Ia ringkas tetapi berprestasi tinggi. Laman HTML ialah dokumen teks yang mudah difahami dengan kod-kod penerangan (“markup”) dimasukkan ke dalamnya. “Markup” ini termasuklah kod-kod untuk menunjukkan sambungan hiperteks yang membenarkan sambungan kepada sumber maklumat lain seperti dokumen, imej, fail bunyi dan video klip. Dokumen HTML boleh digunakan pada semua sistem komputer. Perlu diketahui bahawa HTML bukan bahasa pengaturcaraan. “Markup” dalam dokumen HTML menerangkan tentang kandungan dan tidak mengandungi arahan pemprosesan.

2.6.2 Skrip Visual Basic

Skrip VB ialah bahasa skrip yang digunakan untuk membina laman web yang interaktif dan membuat lebih daripada aturcara tetingkap Microsoft yang biasa. Ia berguna pada aturcara web “client-side” dan “server-side”, menjadikannya bahasa pengaturcaraan utama untuk Asp. Ia juga boleh digunakan untuk mengaturcara “Microsoft Windows Script Host” yang baru. Skrip VB memproses data dengan bantuan kawalan aktifX yang telah direkabentuk khas untuk ASP.

Skrip VB tidak memakan ruang yang ingatan yang banyak, pantas dan telah dimaksimakan untuk dihantar melalui internet. Oleh itu ia boleh dihantar secara cepat kepada pengguna.

2.6.3 Skrip Java

Skrip Java ialah bahasa skrip berorientasikan objek, dan padat untuk membangunkan aplikasi internet pelayan dan pelanggan. Ia dibuat dengan kerjasama antara Netscape Communication dan Sun Microsystem. Skrip Java hampir serupa dengan skrip VB dan senang digunakan untuk membangunkan aplikasi atas talian. Netscape Navigator dan Microsoft Internet Explorer adalah

dua pelayar yang boleh menyokong skrip Java. Skrip Java jauh lebih mudah dan tidak kompleks jika dibandingkan dengan skrip lain.

Dalam aplikasi pelanggan untuk Navigator, pernyataan skrip Java yang diselitkan ke dalam laman HTML boleh mengenalpasti dan bertindakbalas terhadap peristiwa pengguna (user event) seperti klik, input borang dan navigasi laman.

Contohnya, kita boleh menulis fungsi skrip Java untuk mengesan bahawa pengguna memasukkan maklumat yang sah ke dalam borang yang meminta nombor telefon atau poskad. Tanpa sebarang penghantaran dalam rangkaian, laman HTML yang dengan skrip Java akan menafsir teks yang dimasukkan dan mengingatkan pengguna untuk menunjukkan tindakan hasil daripada tindakbalas pengguna membuka dan keluar dari laman web seperti memainkan fail audio, melaksanakan applet atau berkomunikasi dengan “plug-in”.

2.7 Alatan Pembangunan Aplikasi Web

2.7.1 Visual InterDev 6.0

Visual InterDev ialah perisian untuk membina aplikasi web berpandukan data yang berskala besar dan berkuasa. Visual InterDev berkebolehan untuk membina laman web yang mempersembahkan maklumat daripada pangkalan data, membenarkan pengguna untuk menukarinya, dan kemudian membuat

pengemaskinian dalam pangkalan data. Visual InterDev menggunakan dan menambahkan kebolehan ASP, Visual InterDev menyediakan alatan untuk bekerja dengan semua jenis teknologi pelayan dan pelanggan Microsoft.

Berikut ialah sebahagian daripada senarai teknologi yang Visual InterDev sediakan capaian data kepada :

- Capaian data sebelah pelayan yang melalui ADO dan ODBC.
- Komponen pelayan COM.
- Skrip bahagian pelanggan.
- Kawalan ActiveX kepada pelanggan.

Visual InterDev menyediakan ciri sepenuhnya WYSIWYG HTML editor yang digabungkan dengan editor peringkat sumber berkod warna dan alatan untuk menjadikannya mudah untuk menulis kedua-dua skrip ASP dan bahagian pelanggan. Kelebihannya ialah integrasinya dengan sebarang pangkalan data ODBC. Daripada DBMS pelayan/pelanggan berkuasa tinggi sehingga kepada Microsoft Access, integrasi ciri-ciri pangkalan data adalah sempurna dan menjadikannya senang untuk membina laman yang sepenuhnya berpandukan data dan automatik akan dikemaskini sebagai maklumat dalam pangkalan data.

2.7.2 Microsoft FrontPage 2000

Microsoft FrontPage 2000 ialah alatan pembangunan laman web peringkat pengguna. Ia adalah sebahagian daripada pakej perisian Microsoft Office 2000 dan senang diintegrasikan bersama-sama Microsoft Access 2000.

Dengan menggunakan Microsoft FrontPage, laman web boleh dibina dengan termasuk imej, font dan warna tanpa sebarang pengetahuan HTML kerana tag-tag HTML akan dijana secara automatik. Jadual yang kompleks juga dapat dibina dengan alatan visual dan wizard. FrontPage dapat membina laman web yang berkuasa. Walaupun ia membenarkan capaian data kepada tag-tag HTML dan menawarkan alatan untuk menolong menulis skrip ASP dan bahagian pelanggan, namun ia tidak direkabentuk untuk aplikasi web berpandukan data yang berskala besar dan berkuasa seperti Visual InterDev.

2.8 Model Capaian Data

2.8.1 Open Database Connectivity (ODBC)

ODBC ialah sejenis perisian yang dicipta oleh Microsoft yang membenarkan aturcara mencapai sistem pengurusan pangkalan data (DBMS) yang berlainan dengan menggunakan kod sumber yang sama. Dengan ODBC, lebih senang bekerja dengan pelbagai jenis pangkalan data tanpa perlu belajar

daripada asas bagaimana menggunakan. Pangkalan data mesti mempunyai ODBC driver untuk membolehkan sesuatu pangkalan data itu bekerja dengan ODBC. Kesemua objek yang digunakan untuk mencapai pangkalan data daripada laman ASP akhirnya akan melalui ODBC untuk mencapai pangkalan data tersebut.

2.8.2 ActiveX Data Objects (ADO)

Model aturcara ActiveX Data Objects (ADO) mewakili model aturcara capaian data Microsoft yang terbaik pernah ada. Jika kita biasa dengan Data Access Objects (DAO) atau Remote Data Objects (RDO), kita akan mengenalpasti antaramukanya dan akan lebih cepat dapat bekerja dengannya. Terdapat peningkatan dalam model ini dan tugas yang janggal dalam model-model yang lepas telah dibaiki atau dihapuskan daripada model ADO.

Objek ADO menyediakan capaian semua jenis sumber data dengan lebih cepat, mudah dan paling produktif. Model ADO berusaha untuk menonjolkan kesemua apa yang boleh dibuat oleh penyedia data lapisan bawah dan pada masa yang sama menambah nilai dengan memberikan jalan pintas untuk operasi-operasi yang biasa.

ADO ialah antaramuka strategik, peringkat tinggi Microsoft untuk semua jenis data. ADO menyediakan capaian data yang konsisten dan berprestasi tinggi,

samada untuk membina pangkalan data pelanggan “front-end” atau objek perniagaan “middle-tier” menggunakan aplikasi, alatan, bahasa atau pelayar internet. ADO ialah antaramuka data tunggal yang perlu diketahui untuk “1-to-n-tier” pelayan/pelanggan dan pembangunan penyelesaian berpandukan data berasaskan web.

ADO direkabentuk sebagai antaramuka peringkat aplikasi yang senang digunakan dengan paradigma capaian data paling berkuasa, terbaru dari Microsoft iaitu OLE-DB. OLE-DB menyediakan capaian data berprestasi tinggi kepada sebarang sumber data termasuk pangkalan data hubungan dan bukan hubungan, e-mail dan sistem fail, teks dan grafik, objek perniagaan “custom” dan banyak lagi. ADO dilaksanakan dengan “footprint” yang kecil, lalulintas rangkaian minimum dalam senario internet dan lapisan minimum antara “front-end” dan semua sumber data untuk menyediakan antaramuka berprestasi tinggi dan ringan. ADO senang digunakan kerana ia dipanggil menggunakan metafor yang biasa iaitu antaramuka OLE Automation. ADO direkabentuk untuk menggabungkan ciri-ciri terbaik RDO dan ADO dan seterusnya menggantikan model-model capaian data tersebut. Oleh itu ia menggunakan perhimpunan yang sama dengan semantik yang diringkaskan untuk memudahkan pembelajaran pembangunan hari ini.

2.8.3 OLE-DB

OLE-DB ialah antaramuka peringkat rendah strategik kepada data merentasi organisasi. OLE-DB ialah spesifikasi terbuka direkabentuk untuk membina atas ODBC yang disediakan oleh piawai terbuka untuk mencapai semua jenis data.

OLE-DB, set antaramuka capaian data ialah komponen senibina pangkalan data yang menyediakan integrasi data melalui rangkaian enterprise, daripada kerangka utama kepada desktop dengan tidak mengira jenis data. ODBC antaramuka capaian data piawai industri terus menyediakan gabungan cara untuk mencapai data hubungan sebagai sebahagian daripada spesifikasi OLE-DB. OLE-DB dijangka menerajui produk pangkalan data baru yang menghimpunkan daripada komponen kelas terbaik daripada produk “monolithic” yang ada sekarang.

OLE-DB menyediakan senibina pangkalan data yang cekap dan fleksibel yang menawarkan aplikasi, pengkompil dan capaian cekap komponen pangkalan data yang lain kepada Microsoft dan storan data pihak ketiga.

OLE-DB ialah asas “Component Object Model (COM)” blok binaan untuk menyimpan dan mencapai kembali rekod dan menyatukan strategi Microsoft untuk penyambungan pangkalan data. Ia akan digunakan sepanjang garisan aplikasi Microsoft dan storan data.

OLE-DB mendefinisikan antaramuka-antaramuka untuk mencapai data dan mengubahsuai semua jenis data. Antaramuka-antaramuka ini akan digunakan bukan setakat aplikasi “data-consuming” tetapi juga oleh penyedia pangkalan data. Dengan memecahkan pangkalan-pangkalan data berasingan, komponen keputusan boleh digunakan dalam cara yang lebih cekap. Contohnya, komponen-komponen yang dipanggil penyedia perkhidmatan boleh dipohon untuk menunjukkan manipulasi data yang lebih sofistikated dan navigasi antaramuka-antaramuka sebagai wakil kepada penyedia data yang ringkas.

3.3. Analisa dan Metodologi Sistem

Analisa dan metodologi sistem merupakan tahap awal yang penting untuk mendefinisikan sistem tersebut. Tujuan dari analisa dan pengembangan sistem adalah untuk mengetahui bagaimana sistem berfungsi dan bagaimana sistem tersebut dapat diolah dan dikembangkan. Analisa dan pengembangan sistem merupakan tahap awal yang penting dalam mendefinisikan sistem tersebut. Tujuan dari analisa dan pengembangan sistem adalah untuk mengetahui bagaimana sistem berfungsi dan bagaimana sistem tersebut dapat diolah dan dikembangkan.

BAB 3

ANALISA SISTEM DAN METODOLOGI

3.1. Teori dan Metodologi

Metodologi teori dan metodologi sistem merupakan tahap awal yang penting untuk mendefinisikan sistem tersebut. Tujuan dari analisa dan pengembangan sistem adalah untuk mengetahui bagaimana sistem berfungsi dan bagaimana sistem tersebut dapat diolah dan dikembangkan. Analisa dan pengembangan sistem merupakan tahap awal yang penting dalam mendefinisikan sistem tersebut. Tujuan dari analisa dan pengembangan sistem adalah untuk mengetahui bagaimana sistem berfungsi dan bagaimana sistem tersebut dapat diolah dan dikembangkan.

3.0 Analisa dan Metodologi Sistem

Metodologi dan analisis sistem merupakan satu fasa awal yang penting untuk membangunkan sesuatu sistem. Ia melibatkan pengenalpastian keperluan-keperluan fungsian dan juga keperluan-keperluan bukan fungsian. Antara langkah-langkah dalam metodologi adalah mengenalpasti tugas utama yang perlu dilakukan oleh perekabentuk. Analisis ini dibuat untuk mengenalpasti keperluan-keperluan pengguna dan menghasilkan satu definisi sistem.

3.1 Pencarian Maklumat

Beberapa kaedah pencarian maklumat telah digunakan dalam membantu saya untuk membangunkan sistem tempahan tiket atas talian ini. Maklumat yang diperolehi adalah penting untuk saya mengenalpasti keperluan sistem yang akan dibangunkan ini.

Pencarian maklumat yang dijalankan adalah :

1. Temuramah

Beberapa langkah telah saya lakukan dalam menjalankan temuramah bagi meningkatkan keberkesanan hasil temuramah tersebut. Langkah-langkah tersebut ialah :

(i) Mengenalpasti orang yang ditemuramah.

Saya telah memilih dua syarikat dalam kajian saya terhadap sistem tempahan tiket bas yang dilaksanakan sekarang iaitu Kok Agensi Bas Ekspres dan UC Travel. Saya telah membuat temujanji sebelum temuramah dijalankan iaitu dengan Encik Azmi bin Haji Dolmat selaku penyelia di Kok Agensi Bas Ekspres dan Cik Jarina bt Jajuli dari UC Travel yang bertugas sebagai “reservation ticketing”.

(iii) Menetapkan objektif temuramah

Saya telah menetapkan objektif temuramah sebagai panduan dalam menentukan maklumat yang ingin diperolehi daripada temuramah tersebut. Ini adalah penting supaya tiada maklumat yang tertinggal kelak.

(iv) Persediaan temuramah.

Sewaktu temujanji dibuat, saya telah menerangkan secara ringkas subjek temuramah supaya orang yang ditemuramah dapat bersedia. Saya juga telah menyediakan senarai soalan yang akan ditanya supaya semua objektif temuramah dapat dipenuhi. Perancangan masa juga dibuat pada waktu ini.

(iv) Mengendalikan temuramah.

Pada mulanya saya menerangkan objektif temuramah yang dijalankan dan projek yang saya lakukan. Kemudian sesi temuramah berjalan seperti yang dirancangkan. Banyak maklumat yang telah saya perolehi hasil daripada soalan-soalan yang ditanya. Maklumat tersebut dicatit dan dirakam.

(v) Membuat penilaian terhadap hasil temuramah.

Penilaian dibuat terhadap maklumat yang diperolehi hasil daripada temuramah bagi mendapatkan gambaran sebenar proses kerja yang berlaku. Carta alir kerja dibina bagi menunjukkan gambaran jelas aliran kerja. Cadangan penyelesaian masalah dibuat dan diambilkira dalam pembangunan sistem tempahan tiket bas kelak.

2. Bahan Bacaan

Bahan-bahan bacaan dikumpul dari pelbagai sumber seperti laporan latihan ilmiah pelajar-pelajar yang lepas dari bilik dokumen. Maklumat yang diperolehi adalah tentang metodologi, analisis, perisian pembangunan, pembangunan laman web dan pelbagai lagi.

3. Internet

Pelbagai laman web telah saya lawati bagi mendapatkan idea tentang rekabentuk sistem yang hendak dibangunkan dan mengkaji bagaimana sistem tempahan dilaksanakan. Maklumat-maklumat tentang perisian pembangunan dan pembangunan laman web juga diperolehi menerusi internet.

3.2 Analisis Keperluan Sistem

Keperluan sistem ialah penerangan tentang keperluan dan kemahuan untuk sistem yang akan dibangunkan. Keperluan boleh menerangkan fungsi-fungsi, ciri-ciri dan kekangan bagi mencapai objektif sistem. Keperluan sistem terbahagi kepada dua iaitu keperluan fungsian dan keperluan bukan fungsian.

3.2.1 Keperluan Fungsian

Keperluan fungsian ialah fungsi atau ciri-ciri yang perlu dimasukkan ke dalam sistem bagi memenuhi keperluan perniagaan dan dapat diterima oleh pengguna. Keperluan fungsian terbahagi kepada dua modul iaitu:

3.2.1.1 Modul Pengguna

- Pendaftaran Pengguna

Setiap pengguna yang ingin membuat tempahan tiket atas talian perlu mendaftar di laman web ini.

- Pengesahan Pengguna

Hanya pengguna berdaftar sahaja dibenarkan membuat tempahan tiket atas talian dan menyemak status tempahan.

- Maklumat perjalanan

Pengguna boleh melihat senarai maklumat perjalanan dan memilih bas dan waktu yang sesuai.

- Maklumat Kaunter Jualan

Pengguna boleh mendapatkan alamat kaunter tiket, nombor telefon dan email bagi urusan mendapatkan tiket tempahan atau sebarang pertanyaan mengenai bas.

- Maklumat Syarat Tempahan

Pengguna baru perlu membaca polisi tempahan untuk mendapatkan penerangan jelas berhubung tempahan tiket dan supaya tidak timbul sebarang keraguan atau masalah tentang tempahan.

- Tempahan

Tempahan dibuat oleh pengguna berdaftar dengan mengikut langkah-langkah yang mudah seperti pemilihan bas, tarikh dan masa perjalanan, lokasi bas bertolak, lokasi destinasi bas, kategori penumpang dan bilangan tiket yang hendak ditempah.

- Status Tempahan

Pengguna boleh menyemak status tiket tempahan iaitu samada pembayaran telah dibuat atau tempahan tersebut telah dibatalkan.

3.2.1.2 Modul Pentadbir

- Pengesahan

Pengesahan dilakukan untuk memastikan hanya pentadbir yang dibenarkan membuat capaian ke sistem.

- Maklumat Bas

Pentadbir boleh menambah, mengubah atau menghapus maklumat bas yang terkandung dalam sistem.

- Hubungi

Pentadbir boleh mendapatkan maklumat seperti nama orang yang perlu dirujuk, nombor telefon serta email untuk memudahkan urusan dengan syarikat bas terbabit.

- Laporan

Sistem boleh menjanakan laporan tempahan untuk kegunaan pentadbir.

3.2.2 Keperluan Bukan Fungsian

Keperluan bukan fungsian adalah kekangan atau halangan yang menghadkan penyelesaian ke atas masalah sistem tetapi ia tidak menjelaskan fungsi sistem ini. Oleh itu sistem mesti beroperasi untuk mengatasi kekangan ini.

- **Antaramuka Pengguna**

Antaramuka yang piawai menerusi penggunaan yang konsisten dari segi warna, saiz huruf, grafik dan menu.

- **Ramah Pengguna**

Menolong pengguna memahami sistem tempahan ini dengan mudah melalui langkah-langkah ringkas yang telah diterangkan.

- **Masa Tindakbalas**

Semua maklumat terkini dapat diperolehi dan tempahan dapat dibuat pada bila-bila masa.

- **Ketepatan**

Maklumat yang diberikan oleh sistem tepat supaya tidak berlaku pertindihan antara tempahan yang dibuat.

- **Keselamatan**

Sistem ini mempunyai ciri-ciri keselamatan dalam menjamin supaya maklumat diri pengguna dan tempahan tidak dicapai sesuka hati oleh pengguna tidak berdaftar.

- **Kebolehpercayaan**

Sistem ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi kerana keutuhan datanya dan sistem yang berkesan.

3.3 Analisis Pembangunan

3.3.1 Pendekatan Pembangunan

Model Air Terjun

Metodologi pembangunan sistem yang digunakan dalam projek ini ialah Model Air Terjun. Ia dinamakan demikian kerana setiap fasanya yang jatuh dari satu ke satu yang lain dalam turutan berjajar seperti air terjun. Idea asas model air terjun ini ialah membahagikan proses pembangunan kepada siri-siri fasa di mana setiap fasa perlu dihabiskan sebelum pergi ke fasa seterusnya.

Model air terjun ini dipilih kerana :

- Ia membenarkan penyesuaian sistem dengan mudah, sekiranya terdapat sebarang elemen tunggal yang perlu dibuat kembali.
- Dapat menentukan entiti pembangunan sistem dalam pelbagai konteks.

- Ia mengandungi proses pembangunan yang teratur dan bersistematik kerana setiap proses adalah dalam satu turutan dan diikuti oleh satu fasa ke satu fasa yang lain.
- Sangat berguna untuk membantu pembangun dalam membuat perancangan apa yang perlu dilakukan.
- Mudah untuk menerangkan kepada pelanggan yang tidak biasa dengan pembangunan sistem.
- Paling mudah dan popular antara pembangun sistem.

Tujuan utama model ini ialah untuk menstrukturkan proses pembangunan kepada siri aturan optimum proses berpandukan matlamat. Kesemua matlamat (keperluan, rekabentuk dan sebagainya) perlu bertemu pada satu titik dalam projek, memenuhi matlamat dalam usaha meminimumkan kos pengeluaran. Sekiranya kesemua proses dilakukan dalam urutan, masa yang digunakan untuk membaiki kesilapan adalah berkurang kerana ia dilakukan sebelum kesilapan tersebut menjadi besar.

Model Air Terjun ini dibahagikan kepada lima fasa iaitu fasa analisis keperluan, rekabentuk sistem, fasa implementasi, fasa pengujian dan fasa operasi dan penyelenggaraan. Setiap fasa mestilah diselesaikan sebelum ke fasa yang berikutnya dan jika tidak memenuhi keperluan fasa yang sebelumnya, fasa

permulaan akan dibuat semula sehingga segala keperluan dipenuhi. Gambarajah berikut menerangkan dengan jelas tentang Model Air Terjun.

1. Analisa Keperluan

Tujuan utama analisa keperluan ini ialah untuk mengenalpasti apa yang sepatutnya dilakukan oleh sistem. Keperluan sistem dikumpulkan dan didefinisikan serta dapat difahami oleh pengguna dan pembangun sistem. Keperluan sistem termasuklah spesifikasi fungsi keperluan, antaramuka dan prestasi sistem. Analisa keperluan sistem menakrifkan kemampuan fungsian, prestasi, kekangan rekabentuk dan antaramuka sistem. Ia menyediakan perekabentuk sistem dengan perwakilan maklumat dan fungsi yang boleh diterjemahkan ke data.

2. Rekabentuk Sistem

Keperluan dibahagikan kepada keperluan perkakasan dan perisian serta dipetakan ke senibina sistem. Ini melibatkan output, input, pangkalan data, antaramuka pengguna dan konsep rekabentuk yang lain. Rekabentuk kemudian akan ditukarkan ke aturcara yang boleh digunakan.

3. Implementasi


Rekabentuk sistem dibangunkan menjadi beberapa jujukan aturcara yang berfungsi sepanuhnya menjadi satu sistem yang boleh digunakan.

4. Pengujian

Pengujian dilakukan untuk mengesahkan kebolehgunaan dan kebolehercayaan sistem serta spesifikasi yang akan dilaksanakan oleh sistem. Ini melibatkan pengujian, pengujian integrasi dan rekabentuk sistem.

5. Operasi dan Penyelenggaraan

Sistem digunakan secara praktikal. Penyelenggaraan adalah proses baikpulih kesalahan yang ada, penyempurnaan sistem dan menyesuaikannya kepada keperluan persekitaran.



Rajah 3.0 Model Air Terjun

3.3.2 Pelayan Web

Personal Web Server 4.0 (PWS)

- PWS dipilih sebagai pelayan web untuk projek pembangunan sistem ini kerana ia adalah platform yang baik untuk menguji laman web sebelum ianya

ditempatkan ke pelayan yang lain atau perkhidmatan internet yang lain. PWS dapat digunakan pada sistem pengoperasian Windows 98. Selain itu ia mempunyai hampir keseluruhan ciri-ciri yang ada pada Internet Information Server (IIS).

3.3.3 Pangkalan Data Web

Microsoft Access 2000

Microsoft Access 2000 akan digunakan sebagai pelayan web bagi projek ini. Pemilihannya dibuat atas beberapa faktor iaitu :

- Dipercayai, murah dan senang digunakan.
- Bahasa yang fleksibel sebagai “backend” kerana ia membenarkan pengubahsuaian dan penambahan dalam jadual dengan senang.
- Pangkalan data yang sedia ada boleh di”upgrade” tanpa banyak komplikasi kerana struktur pangkalan data senang difahami berbanding pangkalan data kompleks yang lain seperti Oracle, Sybase dan sebagainya. Menulis rutin dalam pangkalan data ini adalah mudah.
- Manipulasi data dibenarkan yang membenarkan data diekstrak atau dicapai kembali tanpa kesukaran.
- Orang dari pelbagai latarbelakang pengaturcaraan senang untuk belajar dan memahami pangkalan data ini.

- Data boleh dieksport menggunakan Access.

3.3.4 Bahasa Pengaturcaraan Aplikasi Web (Server Side)

Active Server Pages (ASP)

Dalam projek ini, ASP dipilih sebagai teknologi pembangunan aplikasi web utama. Ini adalah kerana ASP boleh melaksanakan segala fungsi aplikasi CGI, lebih senang dan cepat untuk membina laman web yang berinteraktif tinggi. ASP juga membuatkan laman web senang diselenggarakan dan dikemaskini pada masa hadapan.

CGI pula membentuk banyak proses seperti mana yang diminta oleh pengguna dan oleh itu ia perlu menggunakan ruang ingatan RAM pelayan yang banyak. Keadaan ini melambatkan aplikasi yang hendak dilaksanakan. Dengan itu prestasi sistem akan menurun dan menambah masa menunggu di laman web.

ASP pula bekerja seperti pelayan dan mengendalikan permintaan pengguna dengan lebih cepat dan cekap. Dengan ASP kandungan dinamik aplikasi web akan lebih mudah dibangunkan. Akhirnya ASP mengendalikan aplikasi dengan lebih baik berbanding teknologi yang lain.

3.3.5 Bahasa Pengaturcaraan Aplikasi Web (Client Side)

- **Kod HTML**
- **Skrip Visual Basic**
- **Skrip Java**

Skrip Visual Basic dan Skrip Java adalah bahasa pengaturcaraan yang digunakan dalam Active Server Pages (ASP) bersama-sama dengan kod HTML. Skrip Visual Basic dan Skrip Java mudah dipelajari dan digunakan kerana sintaksnya hampir sama menyerupai bahasa pengaturcaraan Pascal, C dan C++ yang telah dipelajari. Penggunaan Skrip Visual Basic dan Skrip Java dapat menambahkan ciri-ciri dinamik dalam laman web yang akan dibangunkan.

3.3.6 Alatan Pembangunan Aplikasi Web

Microsoft FrontPage 2000

Microsoft FrontPage 2000 dipilih kerana persekitarannya yang bersesuaian dengan projek ini. Selain dapat menyokong teknologi ASP, ciri-ciri yang ada pada perisian ini mudah dipelajari dan kebolehgunaannya adalah tinggi. Ia juga mempunyai pengurusan fail projek dan pengurus rangkaian untuk memudahkan pembangun melihat keseluruhan fail projek secara kasar. Ia juga menyokong pelbagai bahan multimedia untuk membina laman web yang menarik.

3.3.7 Model Capaian Data

ActiveX Data Objects (ADO)

Model capaian data berjenis ADO akan digunakan dalam pembangunan laman web ini kerana ia adalah model aturcara capaian data yang tinggi prestasi kebolehgunaannya dan terbaik. Objek ADO boleh mencapai semua jenis sumber data yang lain. Aplikasi capaian data ini boleh ditulis bersama-sama dengan fail ASP untuk memudahkan lagi capaian data.

3.4 Keperluan Perkakasan dan Perisian

Beberapa keperluan dari segi perkakasan dan perisian telah dikenalpasti untuk membangunkan sistem EkspresNasional.com ini. Spesifikasi perkakasan berikut adalah keperluan minima untuk keperluan sistem.

3.4.1 Keperluan Perkakasan

3.4.1.1 Perkakasan Pentadbir

- Komputer peribadi dengan mikropemproses Intel Pentium II 333 MHz.
- 64 MB RAM
- GB ruang kosong cakera keras.

- Modem 56 Kbps
- Pemacu CD
- Pemacu cakera liut 3 ½ inci.
- Peranti persian komputer seperti pencetak.

3.4.1.2 Perkakasan Pengguna

- Komputer peribadi dengan mikropemproses Intel Pentium 166 MHz.
- 32 MB RAM
- Modem 28.8 Kbps
- Peranti persian komputer seperti pencetak.

3.4.2 Keperluan Perisian

3.4.2.1 Perisian Pentadbir

- Perisian pengendalian sistem Windows 98
- Pelayar Internet Explorer 5.0 ke atas
- Personal Web Server 4.0
- Microsoft Access 2000
- Microsoft FrontPage 2000
- Microsoft Word 2000

3.4.2.2 Perisian Pengguna

- Perisian Sistem Pengendalian Windows
- Pelayar Internet Explorer 4.0 ke atas

4.1 Rekabetuk Sistem

Rekabetuk sistem adalah cara atau teknik untuk memperbaiki kinerja sistem dimana informasi keputusan dan sistem yang dimodifikasi oleh entitas-unit yang akan dibangun [3]. Rekabetuk ini adalah proses kegiatan yang memodifikasi konstruksi dan tatacara kerja sistem agar mencapai tujuan dan hasil yang diinginkan.

BAB 4

REKABENTUK SISTEM

4.1 Rekabetuk Sistem

Pembentukan sistem berawal dari perencanaan dan proses perancangan atau fungsi sistem seperti dalam suatu sistem [3]. Rancangan Data Kontrol digunakan untuk mendokumentasikan rancangan proyek atau solusi akhirnya dan pada perancangan sistem.

4.1.1 Rancangan Kontrol

Rancangan Kontrol ini juga dikenali sebagai perangkat D dalam rancangan sistem. Tujuan rancangan rancangan teknis bagi sistem yang memungkinkan semua entitas-

4.0 Rekabentuk Sistem

Rekabentuk sistem adalah satu fasa di mana keperluan-keperluan sistem ditransformasikan kepada ciri-ciri sistem yang dimodulkan oleh entiti-entiti yang akan dibangunkan [3]. Rekabentuk ini adalah proses kreatif yang memerlukan pemahaman dan kebolehan semulajadi perekabentuk bagi menukar masalah kepada sesuatu bentuk penyelesaian. Ia mesti dilatih dan dipelajari berdasarkan pengalaman dan mengkaji sistem yang sedia ada [4]. Fasa ini akan memfokuskan kepada rekabentuk proses, fungsian, pangkalan data dan antaramuka.


4.1 Rekabentuk Proses

Pemodelan proses merujuk kepada memodelkan proses perniagaan atau fungsian atau aspek dalam sesuatu sistem [2]. Rajah Aliran Data Konteks digunakan untuk mendokumentasikan skop projek atau fokus antaramuka daripada perspektif pemilik sistem.

4.1.1 Rajah Konteks

Rajah Konteks ini juga dikenali sebagai peringkat 0 dalam rajah aliran data. Ia merupakan rajah tahap teratas bagi sistem yang menunjukkan semua entiti

luaran yang berinteraksi dengan sistem dan aliran data antara entiti luaran dengan sistem [Scan, 1989].



Rajah 4.0 : Rajah Konteks

4.2 Rekabentuk Struktur


Rekabentuk struktur ini terbahagi kepada dua iaitu struktur pentadbir dan struktur pengguna. Rekabentuk struktur penting untuk memudahkan pengguna

dan pentadbir memahami struktur sistem dan berurusan dengan sistem. Di dalam peringkat rekabentuk ini, cabang-cabang laman web akan ditakrif dan dihasilkan supaya binaan sistem akan lebih mudah difahami. Takrifan cabang-cabang digunakan untuk menggambarkan pilihan-pilihan yang terdapat dalam menu utama dan submenu. Daripada modul-modul yang telah ditakrifkan semasa fasa analisis, maka struktur laman web yang dapat dihasilkan adalah seperti berikut:

4.2.1 Struktur Sistem


Struktur sistem ini terbahagi kepada dua modul iaitu pentadbir dan pengguna.

4.2.1.1 Struktur Sistem



Rajah 4.1 : Carta Struktur Sistem


4.2.1.1 Modul Pentadbir



Raiah 4.2 · Struktur laman web bagi modul pentadbir

Raiah 4.3 · Struktur laman web bagi modul penjawat kerja

4.2.1.2 Modul Pengguna



Rajah 4.3 · Struktur laman web bagi modul pengguna

Melalui rajah 4.2 di atas, terdapat empat menu utama yang boleh didapati dalam laman web bagi modul pentadbir iaitu Bas, Kaunter Jualan, Hubungi dan Laporan. Melalui setiap menu tersebut, pentadbir boleh pergi ke sub-sub menu yang lain. Pentadbir bertanggungjawab atas pengemaskinian data dalam sistem EkspresNasional.com ini. Oleh itu beliau boleh membuat sebarang pengubahsuaian data dalam sistem ini seperti menambah, mengedit serta menghapus data.

Bagi modul pengguna seperti yang ditunjukkan dalam rajah 4.3 di atas, pengguna hanya boleh membaca paparan data tanpa membuat sebarang pengubahsuaian. Autentikasi diperlukan oleh pengguna sebelum membuat tempahan atau memeriksa status tempahan supaya maklumat tempahan pengguna tersebut selamat dan untuk mengelakkan tiket tempahan pengguna tersebut diambil oleh orang lain. Ini adalah kerana pengguna perlu mencetak slip pengesahan tiket pada status tempahan untuk digunakan ketika berurusan di kaunter semasa tiket diambil.

4.3 Rekabentuk Ciri-ciri Keselamatan Sistem

Beberapa langkah keselamatan telah diadakan dalam sistem ini bagi menjamin tahap kebolehpercayaan sistem dalam memberikan khidmatnya kepada pengguna.

Ciri-ciri keselamatan yang telah diambil ialah dengan mengadakan autentikasi bagi pengguna yang ingin membuat tempahan atau memeriksa status tiket.

4.3.1 Autentikasi

Autentikasi dibuat iaitu dengan pengguna akan memasukkan nombor keahlian mereka serta katalaluan sebelum mereka boleh membuat tempahan atau pergi ke status tempahan. Nombor keahlian akan diperolehi semasa pengguna membuat pendaftaran dalam sistem ini. Nombor tersebut adalah berupa lima digit nombor yang akan dijanakan secara automatik oleh sistem semasa pendaftaran oleh pengguna.

Autentikasi diperlukan supaya maklumat tempahan pengguna tersebut tidak boleh dilihat oleh pengguna tidak sah. Ini adalah kerana bagi setiap tempahan yang dibuat, sistem akan menjanakan nombor tiket bagi membezakan setiap tiket yang ditempah. Nombor tiket ini adalah rahsia kerana ia akan digunakan semasa membuat urusan di kaunter bagi mendapatkan tiket tempahan tersebut. Pengguna perlu memberikan nombor keahlian, nombor kad pengenalan serta nombor tiket kepada staf di kaunter bagi urusan mendapatkan tiket tersebut.

4.4 Rekabentuk Antaramuka

Rekabentuk antaramuka pengguna atau skrin adalah penting dalam pembangunan sesuatu sistem kerana ia bertindak sebagai perantara antara pengguna dan sistem.


Rekabentuk skrin mestilah ringkas, menarik, mudah difahami dan bersesuaian dengan kegunaan aplikasi tersebut. Beberapa langkah untuk membina antaramuka yang efektif ialah :

- Mendefinaskan kegunaan antaramuka tersebut.
- Mengenalpasti jangkaan dan keperluan pengguna.
- Merekabentuk antaramuka pengguna.
- Mengadakan pengujian ke atas pengguna sebenar.

Rekabentuk antaramuka sistem ini terbahagi kepada dua iaitu pengguna sistem dan pentadbir. Berikut adalah rekabentuk kasar laman web yang akan dibina :

4.4.1 Rekabentuk Antaramuka Pengguna

4.4.2 Rekabentuk Antaramuka Pengguna




Rajah 4.4 : Antaramuka Depan Laman Web Pengguna

Rajah 4.5 : Antaramuka Dalam Laman Web Pengguna

4.5 Rekabentuk Pantulan Web

4.4.2 Rekabentuk Antaramuka Pentadbir



Rajah 4.5 : Antaramuka Depan Laman Web Pentadbir

Tertentu teknologi yang dilengkapi dalam pengelolaan sistem pentadbir.

1. Jadiol Maklumat Pengguna
2. Jadiol Adiput

4.5 Rekabentuk Pangkalan Data

Rekabentuk pangkalan data adalah penting kerana ia menyimpan segala data yang digunakan dalam sistem dan spesifikasinya. Pangkalan data ini mempengaruhi keseluruhan sistem yang dibina. Matlamat rekabentuk pangkalan data adalah seperti berikut [5] :

- Pangkalan data mesti menyediakan storan yang cekap, kemaskini dan capaian kembali data.
- Pangkalan data mesti mempunyai kebolehpercayaan – data yang distorsi mesti mempunyai keutuhan data yang tinggi supaya mendapat kepercayaan daripada pengguna.
- Pangkalan data mesti boleh disesuaikan dan diskalakan kepada keperluan dan aplikasi baru.

4.5.1 Kamus Data

Kamus data ialah satu komponen DBMS yang menyimpan metadata, iaitu pemerihalan tentang data dalam pangkalan data [6].

Terdapat tujuh jadual yang dibina dalam pangkalan data iaitu:

1. Jadual Maklumat Pengguna
2. Jadual Admin

3. Jadual Tempahan
4. Jadual Bas
5. Jadual Maklumat Bas
6. Jadual Maklumat Perjalanan
7. Jadual Kaunter Jualan
8. Jadual Hubungi
9. Jadual Lokasi

Jadual 4.0 : Maklumat Pengguna

Nama Atribut	Jenis Data	Saiz	Penerangan
1. Nama	Text	30	Nama penuh pengguna
2. Status	Text	1	B-Bujang , K-Sudah berkahwin, L-Lain-lain
3. Jantina	Text	1	L-Lelaki , P-Perempuan
4. Bangsa	Text	1	M-Melayu, C-Cina, I-India, L-Lain-lain
5. NoIC	Text	14	Nombor IC baru
6. Alamat	Text	100	Alamat surat-menjurut
7. Bandar	Text	15	Bandar
8. Poskod	Text	5	Poskod

9. NoTel	Text	15	No. telefon rumah /pejabat
10. NoHP	Text	15	No. telefon bimbit
11. Email	Text	30	E-mail
12. Katalaluan	Text	12	Katalaluan untuk login
13. NoAhli	Auto Number	Long Integer	No. keahlian

Jadual 4.1 : Jadual Admin

Nama Atribut	Jenis Data	Saiz	Penerangan
1. adminID	Text	20	ID pentadbir
2. Katalaluan	Text	12	Katalaluan

Jadual 4.2 : Jadual Tempahan

Nama Atribut	Jenis Data	Saiz	Penerangan
1. IDTempah	Number	Long Integer	ID tempahan
2. NoAhli	Number	4	No. keahlian
3. JenisBasID	Text	10	Kod mengikut nama bas

4. BilDewasa	Number	Integer	Bil. penumpang dewasa
5. BilKanak	Number	Integer	Bil. penumpang kanak-kanak
6. Status	Yes/No	Yes/No	Yes-Dah bayar, No-Belum bayar
7. Tarikh	Date/Time	Short Date	Tarikh bas bertolak
8. JumHarga	Number	Single	Jumlah harga tiket

Jadual 4.3 : Jadual Bas

Nama Atribut	Jenis Data	Saiz	Penerangan
1. JenisBasID	Text	20	Kod mengikut nama bas
2. NamaBas	Text	30	Nama bas

Jadual 4.4 : Jadual Maklumat Bas

Nama Atribut	Jenis Data	Saiz	Penerangan
1. JenisBasID	Text	10	Kod mengikut nama bas
2. NamaBas	Text	30	Nama bas
3. LokasiBertolak	Text	30	Lokasi bertolak
4. LokasiDestinasi	Text	30	Lokasi destinasi

Jadual 4.5 : Jadual Maklumat Perjalanan

Nama Atribut	Jenis Data	Saiz	Penerangan
1. JenisBasID	Text	10	Kod mengikut nama bas
2. BasID	Auto Number	Integer	Kod bas
3. Kelas	Text	10	Kelas bas
4. LokasiBertolak	Text	30	Lokasi bas bertolak
5. LokasiDestinasi	Text	30	Lokasi destinasi bas
6. Masa	Date/Time	Short Time	Masa bas bertolak
7. BilTD	Number	Integer	Bil. tempat duduk
8. HargaDewasa	Currency	Standard	Harga tiket dewasa
9. HargaKanak	Currency	Standard	Harga tiket kanak-kanak
10. NoBas	Text	7	No. bas

Jadual 4.6 : Jadual Kaunter Jualan

Nama Atribut	Jenis Data	Saiz	Penerangan
1. JenisBasID	Text	10	Kod mengikut nama bas
2. Negeri	Text	15	Negeri lokasi kaunter
3. AlamatKaunter1	Text	100	Alamat kaunter
4. AlamatKaunter2	Text	100	Alamat kaunter
5. AlamatKaunter3	Text	100	Alamat kaunter
6. AlamatKaunter4	Text	100	Alamat kaunter
7. AlamatKaunter5	Text	100	Alamat kaunter
8. NoTel1	Text	15	No. telefon di kaunter
9. NoTel2	Text	15	No. telefon di kaunter
10. NoTel3	Text	15	No. telefon di kaunter
11. NoTel4	Text	15	No. telefon di kaunter
12. NoTel5	Text	15	No. telefon di kaunter
13. Email1	Text	30	Email untuk urusan di kaunter
14. Email2	Text	30	Email untuk urusan di kaunter
15. Email3	Text	30	Email untuk urusan di kaunter
16. Email4	Text	30	Email untuk urusan di kaunter
17. Email5	Text	30	Email untuk urusan di kaunter

Jadual 4.7 : Jadual Hubungi

Nama Atribut	Jenis Data	Saiz	Penerangan
1. NamaBas	Text	30	Nama bas
2. JenisBasID	Text	10	Kod bagi nama bas
3. Nama1	Text	30	Nama orang dari syarikat bas yang boleh dihubungi
4. Nama2	Text	30	Nama orang dari syarikat bas yang boleh dihubungi
5. Nama3	Text	30	Nama orang dari syarikat bas yang boleh dihubungi
6. NoTel1	Text	15	No telefon
7. NoTel2	Text	15	No telefon
8. NoTel3	Text	15	No telefon
9. Email1	Text	30	E-mail
10. Email2	Text	30	E-mail
11. Email3	Text	30	E-mail
12. NoFax1	Text	15	No. fax
13. NoFax2	Text	15	No. fax
14. NoFax3	Text	15	No. fax

Jadual 4.8 : Jadual Lokasi

Nama Atribut	Jenis Data	Saiz	Penerangan
1. Lokasi	Text	30	Lokasi bertolak/destinasi

4.6 Hasil Sistem yang Dijangka

Matlamat utama projek pembangunan sistem ini ialah untuk membangunkan satu sistem tempahan bas atas talian yang membolehkan pengguna menempah tiket pada bila-bila masa menerusi internet. Projek ini merangkumi seluruh syarikat bas di Semenanjung Malaysia yang mengambil bahagian. Ini memberikan pilihan yang banyak kepada pengguna iaitu pengguna boleh memilih pelbagai destinasi yang hendak dituju tanpa mengira di mana sahaja berada.

5.1 Definisi Pengkodan

Mengelaskan proses penulisan, menyifat-sifatkan teknikal yang telah ditentukan kepada setiap program atau unit program. Ia berasaskan dengan pengkodan peraturan-peraturan dasar yang diperlukan oleh sistem dan dibentuk dengan perbaikuan model-model bentuk pengeluaran yang teliti. Akhirnya ia dilaksanakan menggunakan komputer-komputer yang dimiliki dan diakurasi dengan perintah yang digunakan. Pada peringkat akhir ia akan dibangunkan sistem.

BAB 5

PENGKODAN

FrontPage 2003 yang membolehkan kod HTML secara automatis. Komedi dan Andi 123456 berikut ini bagi mendapatkan hasil yang lebih baik.

Kebanyakan yang disebutkan diatas merupakan halaman ASP yang dibangunkan dengan menggunakan aplikasi dan dikod dalam kod-kod HTML.

5.1 Definisi Pengkodan

Merupakan proses penukaran spesifikasi-spesifikasi rekabentuk yang telah dibina kepada set-set program atau unit program. Ia bermula dengan pembangunan pangkalan-pangkalan data yang diperlukan oleh sistem dan diikuti dengan pembangunan modul-modul beserta pengaturcaraan yang terlibat. Aktiviti ini dilaksanakan menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan atau disokong oleh perisian yang digunakan. Pada peringkat akhir, modul-modul ini digabungkan untuk membentuk suatu sistem.

5.2 Pengaturcaraan Menggunakan *Active Server Pages*.

Antaramuka dibina menggunakan alatan pembangunan iaitu FrontPage2000 yang menjanakan kod-kod HTML secara automatik. Kemudian kod-kod HTML tersebut diedit bagi mendapatkan hasil yang lebih baik.

Bahasa skrip yang digunakan untuk menghasilkan laman ASP ialah VBScript dan JavaScript yang diselitkan di antara kod-kod HTML.

5.3 Objek Pelayan (*Server Objects*)

Objek pelayan mewakili keseluruhan persekitaran pelayan web seperti IIS atau PWS. Ia mempunyai beberapa *properties* dan kaedah. Antaranya ialah :

5.3.1 *CreateObject*

Kaedah ini digunakan untuk membina contoh komponen server ActiveX. Komponen server direkabentuk untuk menolong membina laman dan skrip pada server. Merupakan enjin untuk menjalankan tugas pada skrip. Komponen server yang digunakan dalam pembangunan EkspresNasional.com ini ialah Komponen Capaian Pangkalan Data (*Database Access Components*) atau *ActiveX Data Objects* (ADO). ADO digunakan untuk capaian yang senang dan cepat kepada pangkalan data. Data boleh dikemaskini dan dicapai kembali menggunakan komponen ini.

☞ Membuat penyambungan pada pangkalan data dan *recordset*.

```
<% 'boleh ubah dimensi  
Dim adoCon      'boleh penyambungan pangkalan data  
Dim strCon       'memegang driver, laluan dan nama pangkalan data  
Dim rsCheckUser 'boleh ubah recordset pangkalan data  
Dim strSQL       'string kueri ke atas pangkalan data
```

```
Dim strUserName 'memegang nama pengguna

'Initialise pemboleh ubah strUserName
strUserName = Request.Form ("txtUserName")

'Membina objek penyambungan
Set adoCon = Server.CreateObject ("ADODB.Connection")

'Driver dan maklumat penyambungan pangkalan data
strCon = "DRIVER={Microsoft Access Driver (*.mdb)}; DBQ=" &
Server.MapPath("EkspresNasional.mdb")

'Set penyambungan aktif kepada objek penyambungan
adoCon.Open strCon

'Membina objek recordset
Set rsCheckUser = Server.CreateObject ("ADODB.Recordset")

'Initialise pemboleh ubah strSQL dengan pernyataan SQL untuk
'kueri pangkalan data
strSQL = "SELECT Katalaluan FROM Admin WHERE AdminID =''" &
strUserName & "'"

'Kueri pangkalan data
rsCheckUser.Open strSQL, strCon

.
.
.

%>
```

☞ Menutup penyambungan ke pangkalan data

```
'Tutup objek
Set adoCon = Nothing
Set strCon = Nothing
Set rsCheckUser = Nothing
```

5.3.2 Application and Session Objects

Aplikasi bermula apabila seseorang mencapai laman web kali pertama untuk aplikasi tersebut dan ia tidak berakhir sehinggalah terdapat orang terakhir yang meninggalkan aplikasi web tersebut. Domain objek aplikasi ialah keseluruhan hayat aplikasi tersebut.

Session baru dibina apabila setiap kali pengguna mencapai aplikasi laman web dan berakhir apabila pengguna tersebut meninggalkan aplikasi laman web tersebut. Pemboleh ubah *session* memegang nilai pemboleh ubah global.

Contoh kod :

```
Session ("blnIsUserGood") = False
```

5.3.3 Server-Side Includes

